



NEGERI PULAU PINANG

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PENANG GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 57
No. 17

15hb Ogos 2013

TAMBAHAN
No. 1

No. 504.

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

SURUHANJAYA SIASATAN MENGENAI KEGAGALAN
STRUKTUR-STRUKTUR SIVIL TERTENTU
DI NEGERI PULAU PINANG

TAULIAH

BAHAWASANYA Yang di-Pertua Negeri mendapati suai manfaat dikeluarkan suatu Tauliah melantik Pesuruhjaya-Pesuruhjaya dan memberi kuasa kepada mereka untuk menyiasat kegagalan struktur-struktur sivil tertentu di Negeri Pulau Pinang, yang berlaku di tanjakan Jambatan Pulau Pinang Kedua pada 6 Jun 2013 dan di Menara UMNO, Jalan Macalister pada 13 Jun 2013:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepadaanya oleh perenggan 2(3)(d) dan subseksyen 3(1) Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119], Yang di-Pertua Negeri mengeluarkan tauliah dan melantik—

1. YBhg. Dato' Yeo Yang Poh;
2. Prof. Ir Roslan bin Hashim; dan
3. Dr. Ir Gue See Sew,

menjadi Pesuruhjaya-Pesuruhjaya untuk menjalankan siasatan ini dengan bidang tugas yang berikut:

- (a) untuk menyiasat sebab-sebab kegagalan struktur-struktur sivil yang berkenaan yang berlaku di tanjakan Jambatan Pulau Pinang Kedua (selepas ini dipanggil "Tanjakan tersebut") pada 6 Jun 2013, setelah mempertimbangkan sama ada apa-apa laporan yang mungkin dikemukakan atau diserahkan oleh pihak berkuasa berkenaan dengan kegagalan tersebut adalah mencukupi atau tidak;
- (b) untuk menyiasat sebab-sebab kegagalan struktur-struktur sivil yang berkenaan yang berlaku di Menara UMNO, Jalan Macalister (selepas ini dipanggil "Menara tersebut") pada 13 Jun 2013;
- (c) untuk menyiasat sama ada semua kelulusan yang perlu (dan pengecualian atau penepian, jika ada) untuk atau berkenaan dengan struktur-struktur sivil yang berkenaan di tanjakan tersebut dan di Menara tersebut telah dipohon dan diberikan secara teratur mengikut undang-undang yang berkenaan;
- (d) untuk menyiasat sama ada struktur-struktur sivil yang berkenaan di tanjakan tersebut telah atau pada masa yang relevan sedang dibina dengan sempurna mengikut kelulusan-kelulusan yang perlu dan standard-standard yang diterima secara amnya;
- (e) untuk menyiasat sama ada struktur-struktur sivil yang berkenaan di Menara tersebut telah dibina dengan sempurna mengikut kelulusan-kelulusan yang perlu dan standard-standard yang diterima secara amnya;
- (f) untuk menyiasat sama ada kegagalan struktur-struktur sivil yang berkenaan di tanjakan tersebut dan di Menara tersebut dan kematian dan kecederaan yang berikutan ada berkaitan dengan apa-apa kelalaian, kesemberonoan, kelanggaran kewajipan profesional atau kewajipan undang-undang, salah laku ataupun perbuatan atau ketinggalan mana-mana orang, syarikat atau pihak berkuasa;
- (g) untuk menyiasat sama ada tindakan-tindakan kecemasan terhadap kegagalan struktur-struktur sivil yang berkenaan, termasuk protokol-protokol dan prosedur-prosedur kecemasan yang berkenaan dengannya, adalah sesuai dan mencukupi;
- (h) untuk mengesyorkan apa-apa tindakan yang sesuai (sama ada terhadap struktur-struktur sivil yang berkenaan atau secara amnya) dan sebarang perubahan dan penambahbaikan tehadap proses-proses dan prosedur-prosedur yang berkenaan patut diambil oleh Kerajaan Negeri, pihak berkuasa tempatan atau mana-mana pihak yang lain untuk mengelakkan berlakunya kejadian yang serupanya;
- (i) untuk mengesyorkan apa-apa tindakan disiplin atau tindakan yang lain, jika perlu, yang patut diambil terhadap mana-mana orang, syarikat atau pihak berkuasa berkenaan dengan mana-mana atau semua perkara di atas; dan
- (j) untuk membuat apa-apa keputusan yang selanjutnya atau keputusan yang lain yang berkaitan atau bersampingan dengan mana-mana atau semua perkara yang di atas,

dan mengarahkan bahawa—

- (i) YBhg. Dato' Yeo Yang Poh hendaklah menjadi Pengerusi dan bahawa Pengerusi dan semua Pesuruhjaya hendaklah membentuk kuorum;
- (ii) siasatan itu hendaklah diadakan di khalayak awam dan di mana-mana tempat, pada mana-mana tarikh dan bila-bila masa sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi dari semasa ke semasa;
- (iii) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah, dalam menyempurnakan Tauliah ini, mengikut apa-apa tatacara yang Pengerusi menganggap patut dan suai manfaat dari semasa ke semasa;
- (iv) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menjalankan kuasa mereka dengan mengikut Akta Suruhanjaya Siasatan 1950; dan
- (v) Pesuruhjaya-Pesuruhjaya hendaklah menyiapkan siasatan itu dan mengemukakan suatu laporan bertulis kepada Yang di-Pertua Negeri dalam masa enam bulan daripada tarikh Tauliah ini dikeluarkan.

Bertarikh 2 Ogos 2013

[PSUKPP/(S)/05/0786/1; PUNPP 352/100/1/2/EA/41]

Dengan Titah Perintah

LIM GUAN ENG
Ketua Menteri

COMMISSIONS OF ENQUIRY ACT 1950

COMMISSION OF ENQUIRY INTO THE FAILURE OF CERTAIN CIVIL STRUCTURES IN THE STATE OF PENANG

COMMISSION

WHEREAS it appears to the Yang di-Pertua Negeri to be expedient to issue a Commission appointing Commissioners and authorizing them to enquire into the failure of certain civil structures in the State of Penang, which took place at the Second Penang Bridge ramp on 6 June 2013 and at the Menara UMNO, Jalan Macalister on 13 June 2013:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred upon him by paragraph 2(3)(d) and subsection 3(1) of the Commissions of Enquiry Act 1950 [Act 119], the Yang di-Pertua Negeri issues a Commission and appoints—

1. YBhg. Dato' Yeo Yang Poh;
2. Prof. Ir Roslan bin Hashim; and
3. Dr. Ir Gue See Sew,

to be Commissioners to carry out the enquiry with the following terms of reference:

- (a) to enquire into the causes of the failure of the relevant civil structures that took place at the Second Penang Bridge ramp (hereinafter referred to as “the Ramp”) on 6 June 2013, having considered whether any reports that might be submitted or presented by the relevant authorities concerning the said failures are sufficient or not;
- (b) to enquire into the causes of the failure of the relevant civil structures that took place at the Menara UMNO, Jalan Macalister (hereinafter referred to as “the Tower”) on 13 June 2013;
- (c) to enquire into whether all necessary approvals (and exemptions or waivers, if any) for or in respect of the relevant civil structures at the Ramp and at the Tower had been properly applied for and granted in accordance with the applicable laws;
- (d) to enquire into whether the relevant civil structures at the Ramp had been or were at the relevant time being properly constructed in accordance with the necessary approvals and generally acceptable standards;
- (e) to enquire into whether the relevant civil structures at the Tower had been properly constructed in accordance with the necessary approvals and generally acceptable standards;
- (f) to enquire into whether the failure of the relevant civil structures at the Ramp and at the Tower and the resulting deaths and injuries were related to any negligence, recklessness, breach of professional or legal duty, misconduct or deliberate act or omission on the part of any person, company or authority;
- (g) to enquire into whether the emergency responses to the failure of the relevant civil structures, including any emergency protocols and procedures pertaining thereto were suitable and adequate;
- (h) to recommend any appropriate measures (whether specifically in respect of the relevant civil structures, or generally) and any changes or improvements in the relevant processes and procedures that ought to be taken or made by the State Government, the local authority or any other party in order to prevent or avoid the recurrence of similar incidents;
- (i) to recommend any appropriate disciplinary or other action, if necessary, that ought to be taken against any person, company or authority in relation to any or all of the above matters; and
- (j) to make any further or other findings and recommendations that may be related or incidental to any or all of the above matters,

and directs that—

- (i) YBhg. Dato' Yeo Yang Poh shall be the Chairman and that the Chairman and all Commissioners shall constitute a quorum;
- (ii) the enquiry shall be held in public and at such places, on such dates and during such hours as the Chairman may from time to time determines;
- (iii) the Commissioners shall, in the execution of this Commission, regulate and adopt such procedures as the Chairman may from time to time deems proper or expedient;
- (iv) the Commissioners shall exercise their powers in accordance with the Commissions of Enquiry Act 1950; and
- (v) the Commissioners shall complete the enquiry and render a written report to the Yang di-Pertua Negeri within six months from the date of the issuance of this Commission.

Dated 2 August 2013

[PSUKPP/(S)/05/0786/1; PUNPP 352/100/1/2/EA/41]

By Command

LIM GUAN ENG
Chief Minister

No. 505.

AKTA SURUHANJAYA SIASATAN 1950

PELANTIKAN DI BAWAH SEKSYEN 7

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 7 Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119], Yang di-Pertua Negeri melantik Ng Wee Kok menjadi Setiausaha kepada Suruhanjaya Siasatan mengenai kegagalan struktur-struktur civil tertentu di Negeri Pulau Pinang.

Bertarikh 2 Ogos 2013

[PUNPP 352/100/1/2/EA/41]

Dengan Titah Perintah

LIM GUAN ENG
Ketua Menteri

COMMISSIONS OF ENQUIRY ACT 1950

APPOINTMENT UNDER SECTION 7

IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Commissions of Enquiry Act 1950 [Act 119], the Yang di-Pertua Negeri appoints Ng Wee Kok to be Secretary to the Commission of Enquiry into the failure of certain civil structures in the State of Penang.

Dated 2 August 2013
[PUNPP 352/100/1/2/EA/41]

By Command

LIM GUAN ENG
Chief Minister

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiaran dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD
CAWANGAN ALOR SETAR
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA